



Rakan Muda baharu perkenal 10 gaya hidup

Oleh Zanariah Abd Mutualib - Jun 25, 2023 @ 5:56pm
zanariah_mutalib@bh.com.my

BANGI: Inisiatif Rakan Muda yang diberikan nafas baharu memperkenalkan 10 gaya hidup, selaras dengan cita rasa dan minat generasi muda hari ini.

Menteri Belia dan Sukan, Hannah Yeoh, berkata inisiatif berkenaan adalah Rakan Aktif, Rakan Demokrasi, Rakan Digital, Rakan Ekspresi dan Rakan Litar.

Selain itu, Rakan Mahir, Rakan Muzik, Rakan Niaga dan Rakan Prihatin.

Hannah berkata, pelaksanaan Rakan Muda nafas baru itu menekankan tiga fokus utama.

Pertama, memperkuuh jenama Rakan Muda menerusi 10 Gaya Hidup yang diberikan nafas baharu dan menyerlahkan potensi generasi belia menerusi penterjemahan minat dan kecenderungan positif.

"Fokus lain adalah memberdayakan pendekatan sinergi dengan pelbagai rakan strategik dan kumpulan pelaksana.

"Saya percaya kerjasama strategik ini dapat mewujudkan program yang berteraskan 'Fun, Vibrant and Meaningful', seterusnya membuka lebih banyak peluang dan ruang kepada penyertaan generasi belia dalam mana-mana program yang dianjurkan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis pelancaran Rakan Muda yang diberikan nafas baharu di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di sini, hari ini.

Majlis disempurnakan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim. Ia turut dihadiri Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari.